

05 JUN 1998

Dompok-Osu

OSU BERPENGALAMAN LUAS, KATA DOMPOK

KOTA KINABALU, 5 Jun (Bernama) -- Ketua Menteri Tan Sri Bernard Dompok hari ini berkata Datuk Osu Sukam yang akan menyertai kabinet Sabah sebagai Timbalan Ketua Menteri dan Menteri Kewangan merupakan seorang pemimpin yang berpengalaman luas.

Katanya beliau mengenali Osu lama sebelum menceburi bidang politik, termasuk ketika Osu masih belajar di London.

"Dengan pengalaman luas beliau dalam kerajaan selama ini, sudah tentulah kita akan dapat bekerja bersama-sama untuk kebaikan Sabah dan Barisan Nasional," katanya kepada pemberita selepas menemui Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di terminal lama Lapangan Terbang Antarabangsa Kota Kinabalu di sini.

Dr Mahathir yang dalam perjalanan balik daripada lawatannya ke Jepun, singgah selama 30 minit di lapangan terbang berkenaan.

Dompok yang sebelum itu ditanya pemberita sama ada beliau boleh bekerjasama dengan Osu, berkata isu itu tidak timbul kerana kedua-dua mereka saling mengenali sejak bertahun lamanya.

Sementara itu, Timbalan Ketua Menteri Datuk Joseph Kurup turut mengucapkan tahniah kepada Osu atas pelantikan beliau bagi mengisi kekosongan yang ditinggalkan Datuk Abdul Ghapur Salleh yang meminta untuk tidak dilantik semula dalam kabinet baru Sabah.

Kurup yang juga Presiden Parti Bersatu Rakyat Sabah (PBRS) berkata beliau yakin dengan pelantikan Osu, BN Sabah akan turut bertambah mantap.

"Saya yakin dengan kemampuan Osu dalam membela nasib rakyat Sabah melalui pengalaman luas selama 12 tahun dalam kerajaan pusat. Kehadiran beliau akan mengukuhkan lagi kabinet negeri," katanya.

Osu yang merupakan bekas Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi akan mengangkat sumpah sebagai Timbalan Ketua Menteri dan Menteri Kewangan Sabah Isnin ini.

-- BERNAMA

JS RON